



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

### **PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN PENJUALAN KANTA LEKAP BAGI MENJAMIN KESELAMATAN PENGGUNA**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) telah melaksanakan satu operasi penguatkuasaan bersepadu terhadap aktiviti penjualan kanta lekap di Bazaría Wangsa Maju, Kuala Lumpur pada 16 Mac 2026. Operasi yang dijalankan ini melibatkan seramai 13 anggota penguatkuasaan MDA dengan kerjasama Majlis Optik Malaysia (MOC) serta Polis Diraja Malaysia.

Sebanyak 19 premis telah diperiksa dan 12 notis amaran telah dikeluarkan atas pelbagai ketidakpatuhan di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737) dan peraturan-peraturan berkaitan. Antara kesalahan yang dikenal pasti termasuk penjualan kanta lekap yang tidak berdaftar serta kegagalan mematuhi keperluan pelabelan yang ditetapkan.

Kementerian ingin menegaskan bahawa kanta lekap dan alat optik merupakan peranti perubatan yang dikawal selia dan diklasifikasikan sebagai *prescribed medical device*. Justeru, penggunaannya memerlukan preskripsi serta khidmat profesional daripada juru optik atau optometris berdaftar, selaras dengan peruntukan di bawah Akta Optik 1991 (Akta 469).

Sehubungan itu, penjualan kanta lekap dan alat optik secara dalam talian di mana-mana platform e-dagang adalah dilarang sama sekali. Kementerian memandang serius isu ini kerana pembelian tanpa pemeriksaanan dan nasihat profesional boleh mendedahkan pengguna kepada risiko kesihatan mata, termasuk jangkitan, kerosakan kornea dan komplikasi penglihatan yang serius.

Sebagai langkah penguatkuasaan, MDA tidak mengeluarkan sebarang kelulusan bagi pengiklanan atau penjualan alat optik dan kanta lekap secara dalam talian. Mana-mana pihak yang melanggar peruntukan ini boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Peranti Perubatan (Pengiklanan) 2019, termasuk denda sehingga RM200,000 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya sekali.

KKM melalui MDA akan terus mempergiatkan aktiviti penguatkuasaan dan tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang melanggar undang-undang, termasuk penyedia platform dalam talian yang membenarkan penjualan tidak sah. Tindakan tegas akan diambil demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan pengguna sentiasa terpelihara.

Orang ramai dinasihatkan agar sentiasa menyemak status pendaftaran peranti perubatan melalui Medical Device Authority Register (MDAR) serta mendapatkan perkhidmatan daripada pengamal optik yang berdaftar. Sebarang aduan berkaitan penjualan peranti perubatan yang tidak mematuhi peraturan boleh disalurkan melalui Sistem Pengurusan Maklum Balas MDA (FEMES).

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**3 APRIL 2026**

